

Newspaper	Berita Harian
Date	21 October 2015

Bayaran imbuhan, bonus 1MDB sulit

BH - 21/10/2015

» *Perjanjian tertakluk kepada peraturan Akta Syarikat 1965*

Oleh Sophia Ahmad
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Imbuhan dan bonus yang dibayar kepada eksekutif tertinggi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah sulit dan bersifat peribadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata, 1MDB adalah syarikat yang tertakluk kepada peraturan Akta Syarikat 1965.

Sehubungan itu, katanya, sebarang perjanjian membabitkan syarikat itu mengikut akta berkenaan adalah sulit dan tidak boleh dihebahkan kepada umum.

"Ia termasuk kontrak pekerjaan antara syarikat dan pekerjaannya," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan

Dr Ko Chung Sen (DAP-Kampar) di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, Penyata Kewangan 1MDB yang diaudit sejak tahun 2009 mengandungi perincian hasil tahunan syarikat dan perbelanjaan serta penyata untung rugi.

Senarai aliran tunai

Katanya, penyata kewangan itu turut menyenaraikan aliran tunai syarikat berkenaan dan ia difailkan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

"Maklumat terperinci berhubung perkara ini atau sebarang perkara berkaitan Penyata Kewangan 1MDB yang sudah diaudit boleh dimuat turun di laman web SSM," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, 1MDB dan anak syarikat milik penuhnya mendapat pengecualian cukai pendapatan termasuk dividen bagi tempoh 10 tahun selaras dengan Seksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Bagaimanapun, pengecualian ini tidak mencakupi anak syarikat lain yang diperoleh 1MDB," katanya.

“Sebarang perjanjian membabitkan syarikat itu mengikut akta berkenaan adalah sulit dan tidak boleh dihebahkan kepada umum”

Najib Razak,
Perdana Menteri

